



**KENYATAAN MEDIA
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG**

**KAWALAN TAMBAHAN OPERASI PREMIS-PREMIS MAKANAN DALAM
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

1. Bermula 5 Mac 2021, Negeri Pahang telah memasuki fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP).
2. Berdasarkan perkembangan semasa, tularan di Negeri Pahang adalah terkawal dan terdapat dua daerah yang hijau iaitu Lipis dan Cameron Highlands.
3. Oleh yang demikian, amat penting Rakyat Pahang terus mengamalkan kawalan kendiri dalam memastikan tularan di Negeri Pahang dapat dikawal sepenuhnya.
4. Sebagai langkah tambahan, Kerajaan Negeri ingin menggariskan langkah-langkah kawalan tambahan di premis-premis yang menjual makanan seperti berikut:
 - a. Jarak antara meja perlulah 1 meter antara satu sama lain.
 - b. Kapasiti meja adalah berdasarkan saiz meja dan penjarakan fizikal 1 meter antara satu sama lain.
 - c. Maksimum untuk *dine-in* setiap pelanggan ialah 1 jam.
 - d. Kapasiti pengunjung perlu dipamerkan di pintu masuk premis dan dipatuhi pada setiap masa bagi memudahkan penguatkuasaan.
5. Peraturan ini adalah berkuatkuasa serta-merta dan akan disesuaikan dari masa ke masa berdasarkan perkembangan COVID-19 di Negeri Pahang atau ke satu masa yang akan ditetapkan kelak.
6. Kerajaan Negeri ingin mengingatkan pengusaha-pengusaha premis makanan bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan perkara ini dipatuhi dan Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang tegas terhadap pematuhan ini.

Sekian, terima kasih.

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG
11 Mac 2021